



KENYATAAN MEDIA

MRT CORP MEMENANGI DUA ANUGERAH DI PERSIDANGAN GEOSMART ASIA 2017

Anugerah mengiktiraf peranan penting MRT Corp dalam mengambil teknologi canggih dalam kejuruteraan

Kuala Lumpur, 28 Ogos 2017: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah memenangi dua anugerah berprestij yang mengiktiraf syarikat dalam penggunaan teknologi terkini dalam reka bentuk kejuruteraan dan sistem maklumat geografi bagi pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Anugerah ini disampaikan di Asia Geospatial Excellence Awards 2017 yang diadakan bersempena Persidangan Geosmart Asia 2017 diadakan di Putrajaya pada 22 dan 24 Ogos 2017.

Anugerah ini mengiktiraf dan menggalakkan inovasi dalam penggunaan teknologi geospatial di rantau Asia Pasifik. Teknologi geospatial meliputi teknologi dalam menjana dan merekod data berkaitan dengan lokasi tertentu.

MRT Corp telah memenangi anugerah dalam Kategori Infrastruktur Pengangkutan untuk pelaksanaan Pemodelan Maklumat Bangunan Tahap 2 (Building Information Modelling Level 2) bagi reka bentuk dan pembinaan Laluan SSP.

Pemodelan Maklumat Bangunan membolehkan struktur atau ruang pemodelan 3D lanjutan dan ia digunakan di peringkat reka bentuk dan pembinaan sesebuah projek. Ia membolehkan pengguna untuk menggambarkan, bekerjasama dan menganalisis setiap aspek dalam reka bentuk kejuruteraan. Tahap 2 menunjukkan tahap kerjasama Pemodelan Maklumat Bangunan di kalangan pelbagai pihak yang terlibat dalam pembangunan projek.

Projek Laluan SSP merupakan antara sebilangan kecil projek di dalam dunia, dan yang pertama di rantau Asia Pasifik, yang menggunakan Pemodelan Maklumat Bangunan Tahap 2.



Aungerah kedua yang dimenangi oleh MRT Corp ialah dalam Kategori Infrastruktur Pengangkutan untuk kegunaan Sistem Maklumat Geografi (Geographical Information System) bagi pembinaan Laluan SSP.

Sistem Maklumat Geografi merupakan satu alat pemetaan lanjutan yang direka bentuk untuk memapar, menyimpan, memanipulasi, menganalisis dan membentangkan semua jenis data geografi. Ia membolehkan data dari semua bahagian untuk disatukan dari segi akses kepada maklumat dan dibentangkan pada satu peta interaktif, dan ini membolehkan keputusan dibuat dengan lebih berkesan.

Anugerah ini dimenangi bersama MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MGKT) dan Aecom Asia. MGKT ialah kontraktor pakej kerja bawah tanah bagi Laluan SSP sementara Aecom ialah perunding reka bentuk bagi kerja bawah tanah.

Mengulas tentang pencapaian ini, Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar berkata MRT Corp amat berbesar hati untuk menerima pengiktirafan untuk usaha dalam menggunakan teknologi terkini dalam reka bentuk dan pembinaan Projek MRT Lembah Klang.

"Projek MRT Lembah Klang sentiasa mencuba dan menerokai teknologi baru dan menetapkan penanda aras dalam pelbagai aspek pembangunan projek.




"Kami telah menjadi antara yang pertama di rantau dan antara sebilangan kecil di dunia untuk melaksanakan Pemodelan Maklumat Bangunan Tahap 2 dan Sistem Maklumat Geografi untuk projek infastruktur yang begitu besar dan kompleks, dan kami sudah tentu begitu berbesar hati untuk menerima pengiktiran di atas usaha ini," kata beliau.

Pada masa yang sama, Laluan SSP juga telah disenarai pendek sebagai salah satu daripada tiga peserta akhir dalam Kategori Rel dan Transit bagi pertandingan "Be-Inspired" 2017 yang dianjurkan bersempena Persidangan Infrastruktur Tahun 2017 yang akan diadakan dari 10 sehingga 12 Oktober 2017 di Singapura.

Ini merupakan pertandingan reka bentuk sedunia yang mengiktiraf kemajuan Pemodelan Maklumat Bangunan dalam projek infrastruktur. Untuk pertandingan ini, MRT Corp akan bertanding dengan Projek Kereta Api Ruili di China dan Projek Tren Berkelajuan Tinggi California di Amerika Syarikat.

Laluan SSP telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 16 September 2016 dan akan mula beroperasi sepenuhnya pada bulan Julai 2022. Jajaran sepanjang 52.2km terdiri daripada 11 stesen bawah tanah dan 26 stesen bertingkat.

-tamat/-

| No | Photo | Kapsyen | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---------------|--|---|-------------------|-------------------|------------------|-------------------|-------------|---------------|----------------|--------|----------------|---------|--|---------------|---------|-------|---------------|--------------|--|---------------|--|---------|--|---------------|---------|-------|---------------|--------------|--|---------------|--|---------|--|---------------|---------|-------|---------------|--------------|--|---------------|--|--|
| 1 |  | <p>Dari kiri: Pengarah Piawaian dan Pematuhan MRT Corp Tuan Syed Mahdhar Syed Hussain menerima anugerah Kategori Infrastruktur Pengangkutan untuk Pelaksanaan Pemodelan Maklumat Bangunan Tahap 2 bagi MRT Laluan SSP daripada Ketua Pegawai Eksekutif Media dan Komunikasi Geospasial Encik Sanjay Kumar.</p> | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2 |  | <p>Dari kiri: Pengarah AECOM Hong Kong Innovative Solutions Encik Man Kit Thomson Lai, Pengarah Perancangan dan Program MMC-Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd Encik Graham Kennington dan Pengarah Piawaian dan Pematuhan MRT Corp Tuan Syed Mahdhar Syed Hussain menerima Anugerah Kategori Kejuruteraan Digital bagi kegunaan Sistem Maklumat Geografi untuk pembinaan MRT Laluan SSP dari Ketua Pegawai Eksekutif Media dan Komunikasi Geospasial Encik Sanjay Kumar.</p> | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3 |  | <p>Sebuah contoh model Pemodelan Maklumat Bangunan untuk stesen bawah tanah.</p> | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 4 |  <table border="1" data-bbox="261 1859 836 1926"> <thead> <tr> <th>Category Code</th> <th>Chilled Water Fl.</th> <th>RevitConnector</th> <th>RevitConnectorID</th> <th>System Classific.</th> <th>System Name</th> <th>Type</th> <th>Voltage</th> <th>Volume</th> <th>Volume of Tank</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>NCR_000</td> <td></td> <td>SPP-ACR4-LINE</td> <td>1122284</td> <td>Other</td> <td>QPP-2-MWFT-04</td> <td>ECCL_NCR_000</td> <td></td> <td>11.3671702667</td> <td></td> </tr> <tr> <td>NCR_000</td> <td></td> <td>SPP-ACR4-LINE</td> <td>1122285</td> <td>Other</td> <td>QPP-3-MWFT-04</td> <td>ECCL_NCR_000</td> <td></td> <td>11.3671702667</td> <td></td> </tr> <tr> <td>NCR_000</td> <td></td> <td>SPP-ACR4-LINE</td> <td>1122282</td> <td>Other</td> <td>QPP-3-MWFT-04</td> <td>ECCL_NCR_000</td> <td></td> <td>11.3671702667</td> <td></td> </tr> </tbody> </table> | Category Code | Chilled Water Fl. | RevitConnector | RevitConnectorID | System Classific. | System Name | Type | Voltage | Volume | Volume of Tank | NCR_000 | | SPP-ACR4-LINE | 1122284 | Other | QPP-2-MWFT-04 | ECCL_NCR_000 | | 11.3671702667 | | NCR_000 | | SPP-ACR4-LINE | 1122285 | Other | QPP-3-MWFT-04 | ECCL_NCR_000 | | 11.3671702667 | | NCR_000 | | SPP-ACR4-LINE | 1122282 | Other | QPP-3-MWFT-04 | ECCL_NCR_000 | | 11.3671702667 | | <p>Sebuah contoh model Pemodelan Maklumat Bangunan untuk stesen bawah tanah.</p> |
| Category Code | Chilled Water Fl. | RevitConnector | RevitConnectorID | System Classific. | System Name | Type | Voltage | Volume | Volume of Tank | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| NCR_000 | | SPP-ACR4-LINE | 1122284 | Other | QPP-2-MWFT-04 | ECCL_NCR_000 | | 11.3671702667 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| NCR_000 | | SPP-ACR4-LINE | 1122285 | Other | QPP-3-MWFT-04 | ECCL_NCR_000 | | 11.3671702667 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| NCR_000 | | SPP-ACR4-LINE | 1122282 | Other | QPP-3-MWFT-04 | ECCL_NCR_000 | | 11.3671702667 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

| | | |
|---|---|--|
| 5 |  | Sebuah contoh model Pemodelan Maklumat Bangunan untuk stesen bawah tanah |
|---|---|--|

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Leong Shen-li

012-3196602/leong.shen-li@mymrt.com.my

Amalina Ghazali

016-2154055/amalina.ghazali@mymrt.com.my